

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PUSAT PEMBANGUNAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (iDEC)**

**PENGURUSAN PROJEK ICT - INTERVENSI
SCORING ANALYSIS**

1. Tujuan

Scoring Analysis digunakan sebagai mekanisme penilaian bagi mengenal pasti projek ICT yang memerlukan pemantauan, tindakan pembetulan atau intervensi pengurusan berdasarkan prestasi pelaksanaan projek, kepentingan strategik dan tahap risiko projek.

Penilaian ini membantu Project Management Office (PMO) menentukan keutamaan projek yang memerlukan perhatian dan tindakan susulan bagi memastikan objektif projek dapat dicapai mengikut skop, tempoh, kos dan kualiti yang ditetapkan.

2. Kaedah Penilaian

- i. Penilaian dilaksanakan menggunakan skala 3 tahap seperti berikut:

Skor	Tahap
1	Rendah
3	Sederhana
5	Tinggi/Kritikal

- ii. Skor yang lebih tinggi menunjukkan tahap keperluan intervensi yang lebih tinggi.

3. Sumber Data Penilaian

- i. Penilaian *Scoring Analysis* hendaklah dibuat berdasarkan maklumat dan rekod projek yang terkini.
- ii. Bagi penilaian prestasi pelaksanaan projek, data berkaitan tempoh pelaksanaan, baseline projek, *Planned Duration* dan *Actual Duration* hendaklah diperolehi daripada alat pengurusan projek yang digunakan oleh organisasi.
- iii. Sekiranya *Microsoft Project* digunakan sebagai alat pengurusan projek, maklumat yang direkodkan dalam *Microsoft Project* hendaklah dijadikan sumber rujukan utama bagi tujuan penilaian.
- iv. Maklumat berkaitan keupayaan sumber, kepentingan strategik dan risiko projek hendaklah disahkan berdasarkan rekod projek, laporan status projek serta maklumat yang dikemukakan oleh pemilik projek.

4. Kategori Penilaian dan Pemberat

Kategori	Pemberat
Pengurusan Projek	70%
Kepentingan Strategik	20%
Risiko	10%

5. Kriteria Penilaian

5.1 Pengurusan Projek (70%)

Penilaian pengurusan projek mengambil kira prestasi pelaksanaan projek berdasarkan tempoh pelaksanaan, varians jadual projek serta keupayaan sumber yang menyokong pelaksanaan projek.

Kriteria	Skor 1	Skor 3	Skor 5
Perbezaan tempoh pelaksanaan projek berbanding <i>baseline</i> asal	Mengikut jadual atau lebih awal	Lewat antara 1 hingga 3 bulan	Lewat melebihi 6 bulan atau projek terhenti
Varians tempoh projek (<i>Planned Duration</i> berbanding <i>Actual Duration</i>)	Varians 0% hingga 5%	Varians 10% hingga 25%	Varians melebihi 50%
Keupayaan sumber projek (kos dan sumber manusia)	Sumber mencukupi untuk pelaksanaan projek	Terdapat kekangan sumber yang memberi kesan kepada pelaksanaan projek	Kekurangan sumber kritikal yang menjejaskan kesinambungan projek

5.2 Kepentingan Strategik (20%)

Penilaian kepentingan strategik mengambil kira sumbangan projek terhadap pencapaian matlamat strategik organisasi serta tahap keutamaan projek berdasarkan Matriks Keutamaan Projek iDEC yang berkuat kuasa.

Kriteria	Skor 1	Skor 3	Skor 5
Sokongan terhadap matlamat strategik organisasi	Projek rutin atau operasi biasa	Menyokong KPI utama PTJ/Jabatan	Projek strategik universiti, kementerian atau melibatkan perkhidmatan kritikal

Kriteria	Skor 1	Skor 3	Skor 5
Kategori keutamaan projek	Kategori C (Pilihan/ <i>Nice to Have</i>)	Kategori B (Penting untuk Operasi)	Kategori A (Wajib/Kritikal untuk Kelangsungan Perkhidmatan)

5.3 Risiko (10%)

Penilaian risiko mengambil kira tahap impak, urgensi, nilai tambah, risiko pelaksanaan, kos atau kerumitan serta ketersediaan sumber yang boleh mempengaruhi kejayaan pelaksanaan projek.

Kriteria	Skor 1	Skor 3	Skor 5
Impak Strategik	Rendah	Sederhana	Tinggi
Urgensi	Rendah	Sederhana	Tinggi
Nilai Tambah	Rendah	Sederhana	Tinggi
Risiko Project	Rendah	Sederhana	Tinggi
Kos/Kerumitan	Rendah	Sederhana	Tinggi
Ketersediaan Sumber	Rendah	Sederhana	Tinggi

Nota :

- a) Penilaian bagi kriteria *Perbezaan Tempoh Pelaksanaan Projek Berbanding Baseline Asal* hendaklah dibuat berdasarkan perbandingan tempoh pelaksanaan semasa projek dengan baseline projek yang telah diluluskan.
- b) Penilaian bagi kriteria *Varians Tempoh Projek (Planned Duration berbanding Actual Duration)* hendaklah dibuat berdasarkan data yang direkodkan dalam alat pengurusan projek yang digunakan oleh organisasi.
- c) Keutamaan projek hendaklah ditentukan berdasarkan Matriks Keutamaan Projek iDEC yang berkuat kuasa.

6. Kaedah Pengiraan Skor

- i. Skor keseluruhan intervensi hendaklah dikira berdasarkan jumlah skor yang diperolehi bagi setiap kategori dan pemberat yang ditetapkan.
- ii. Pemberat bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

Kategori	Pemberat	Skor Maksimum
Pengurusan Projek	70%	15
Kepentingan Strategik	20%	10

Kategori	Pemberat	Skor Maksimum
Risiko	10%	30

iii. Skor keseluruhan intervensi dikira menggunakan formula berikut:

$$\text{Skor Keseluruhan Intervensi} = ((\text{Jumlah Skor Pengurusan Projek} \div 15) \times 70) + ((\text{Jumlah Skor Kepentingan Strategik} \div 10) \times 20) + ((\text{Jumlah Skor Risiko} \div 30) \times 10)$$

iv. Skor keseluruhan yang diperoleh hendaklah digunakan sebagai asas penentuan tahap intervensi projek

7. Tahap Intervensi

i. Tahap intervensi projek ditentukan berdasarkan skor keseluruhan yang diperoleh daripada Scoring Analysis Intervensi Pengurusan Projek ICT.

Julat Skor Keseluruhan	Tahap Intervensi
80% hingga 100%	Sangat Tinggi
50% hingga 79%	Sederhana
Kurang daripada 50%	Rendah

ii. Penjelasan Tahap

a) **Sangat Tinggi ($\geq 80\%$)**

Menunjukkan projek berada pada tahap kritikal berdasarkan penilaian skor dan memerlukan perhatian segera dalam konteks pengurusan projek.

b) **Sederhana (50% – 79%)**

Menunjukkan projek mempunyai isu atau risiko tertentu yang perlu dipantau secara berkala bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek.

c) **Rendah ($< 50\%$)**

Menunjukkan projek berada dalam keadaan terkawal dan selaras dengan perancangan asal berdasarkan hasil penilaian skor.

8. Tindakan Susulan Intervensi

PMO hendaklah melaksanakan tindakan susulan berdasarkan tahap intervensi yang diperoleh daripada *Scoring Analysis* Intervensi Pengurusan Projek ICT.

Tahap Intervensi	Tindakan
Sangat Tinggi	PMO melaksanakan sesi intervensi bersama pemilik projek dan pihak berkepentingan yang berkaitan bagi mengenal pasti isu, risiko dan tindakan mitigasi yang perlu dilaksanakan.

Tahap Intervensi	Tindakan
	Status projek hendaklah dipantau secara berkala sehingga isu kritikal diselesaikan.
Sederhana	PMO melaksanakan pemantauan berkala terhadap kemajuan projek dan mendapatkan pelan tindakan daripada pemilik projek bagi menangani isu yang dikenal pasti.
Rendah	Projek dipantau mengikut mekanisme pemantauan projek yang ditetapkan tanpa memerlukan intervensi khusus.